



## **KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT**

### **Buku Aku, Kau, dan Cinta #3: 3 Dimensi**

Selepas mengeluarkan dua siri *Aku, Kau, & Cinta* di bawah cetakan Komik-M, PTS Media sekali lagi menghasilkan siri seterusnya komik tersebut. Komik terbaru yang dikeluarkan adalah *Aku, Kau, & Cinta (Tiga Dimensi)*. Ia adalah kesinambungan daripada komik *Aku, Kau & Cinta: Cinta Pandang Pertama* dan *Aku, Kau & Cinta: Cinta K-Pop*.

Komik ini adalah hasil karya gabungan artis-artis terkenal Komik-M seramai 11 orang. Antaranya adalah Reja, Ashkun, Iqbal, Danial Haikal, dan ramai lagi. Komik ini tidak hanya berkisarkan tentang cinta antara dua insan seperti yang dialami remaja masa kini. Malah, ia lebih kepada bagaimana cinta kepada ibubapa, Tuhan, dan cinta yang hakiki.

Komik ini mempunyai 11 kisah pendek yang menarik. Antara tajuk-tajuk yang terdapat dalam komik ini adalah *Tinju Cinta, Pilihan Hati, Restu, Antara Cinta dan Sahabat*, dan *Cinta Mind Blow*. Bahan bacaan ini sesuai terutamanya untuk golongan remaja.

Ia tidak mengandungi kisah-kisah yang berat seperti novel-novel yang berada di pasaran sekarang. Karya Komik-M ini lebih sesuai dengan jiwa-jiwa remaja dan tahap pemikiran mereka. Bahasa yang digunakan juga adalah tahap Bahasa Melayu seperti yang dipelajari di sekolah. Apa yang penting, komik ini dapat memberi pengajaran dan kesedaran kepada

pembaca terutama golongan remaja. Ia juga boleh didapati di pasaran dengan harga yang berpatutan untuk para remaja.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: [awatif@pts.com.my](mailto:awatif@pts.com.my)